



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	1/10/2019	MUKA SURAT	:	18
JABATAN	:	SPAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Sungai Semenyih cemar disyaki khianat

Oleh FARHANA JONI
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 30 SEPT.

SURUHANJAYA Perkhidmatan Air Negara (SPAN) mengesyaki pembuangan sisa secara haram sebagai punca pencemaran sumber air mentah hingga menyebabkan Loji Rawatan Air Sungai Semenyih terpaksa dihentikan operasi sepenuhnya semalam.

SPAN dalam kenyataan berkata, perbuatan khianat itu dipercayai dilakukan berdekatan dengan Loji Olahan Air Sisa Kumbahan Banda Mahkota.

Katanya, siasatan akan dilakukan ke atas kejadian pencemaran sumber air mentah itu dan tindakan tegas akan diambil jika didapati punca pencemaran tersebut daripada apa-apa perbuatan mana-mana pihak atau individu tidak bertanggungjawab mengikut Seksyen 61(1), Akta Industri Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 655).

"SPAN ingin memaklumkan bahawa punca pencemaran bau pada sumber air mentah tersebut bukanlah daripada operasi rawatan air sisa kumbahan yang dijalankan oleh Indah Water Indah Sdn. Bhd. (IWK) secara langsung.

"IWK diarahkan mengambil tindakan serta-merta bagi mengurangkan kesan bau pada loji tersebut selain memantau secara

rapi loji mereka supaya tiada lagi sebarang aktiviti pembuangan sisa terlarang berhampiran loji," katanya di sini hari ini.

Menurut kenyataan SPAN itu, jika disabitkan kesalahan, tertuduh boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi setahun atau keduanya seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 61(2) akta sama.

Sabtu lalu, Loji Rawatan Air Sungai Semenyih terpaksa dihentikan operasi sepenuhnya selepas berlaku insiden pencemaran bau dengan bacaan lima ton pada sumber air mentah Sungai Semenyih.

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) dalam satu kenyataan berkata, henti tugas loji itu akan menyebabkan sebanyak 204 kawasan melibatkan 372,031 akaun pelanggan berdaftar di Wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang terjejas.

Bagaimanapun, operasi di loji tersebut telah kembali beroperasi semula kira-kira pukul 6:30 pagi semalam dan proses bagi meningkatkan paras Kolam Imbangan dan penyaluran ke sistem agihan dan kolam perkhidmatan di kawasan terjejas sedang berjalan sebelum bekalan dapat disalurkan untuk proses pemuliharaan secara berperingkat.